

KERATAN: Utusan Borneo

TARIKH: 11/03/2012

SAB-A0403/12

M/S: (B5)

## Mencari upaya melestari bahasa ibunda melangkaui pergeseran bahasa



**M**ASYARAKAT Sabah boleh berbangga dengan kewujudan pelbagai etnik di negeri ini. Kepelbagaian etnik memberikan kebanggaan tersendiri kerana keadaan itu bererti Negeri di Bawah Bayu ini memiliki kepelbagaian warisan tradisi, keunikan cara hidup dan keberbilangan bahasa etnik. Kepelbagaian itu telah memberikan warna yang tersendiri terhadap kehidupan masyarakat di negeri ini sehinggakan kepimpinan tertinggi negara telah mengangkat corak kemasyarakatan di Sabah sebagai satu contoh utama konsep pembentukan negara bangsa, 1Malaysia.

Namun demikian, sejak akhir-akhir ini wujud suasana muram dan kebimbangan di kalangan pelbagai etnik di Sabah terhadap fenomena memudarnya kelestarian bahasa warisan mereka. Banyak pihak secara sedar menyatakan dengan terbuka apa yang mereka rasakan. Pihak-pihak berkenaan berusaha mengangkat fakta terhadap menghilangnya bahasa ibunda mereka. Lantas melalui penyuaran itu mereka berharap mendapat simpati dari kalangan

khalayak yang terlibat untuk ikut serta mengambil langkah-langkah menyuburkan lagi pewarisan bahasa mereka.

Pihak-pihak berkenaan juga berusaha mencari penyebab mengapa kepupusan bahasa mereka sedang menuju ke fakta realiti.

Justeru, dalam meraba-raba untuk mencari jalan melestarikan bahasa ibunda, terdapat pihak yang pantas mengambil contoh kasar dengan mempersalahkan sikap penutur bahasa. Sasaran pertama yang dipersalahkan ialah golongan ibubapa yang cenderung menggunakan bahasa lain dalam pertuturan dengan anak-anak. Golongan ibu bapa terus menjadi sasaran dipersalahkan oleh anak-anak apabila berhadapan krisis identiti diri dan tanggungjawab sosial sebagai anggota masyarakatnya.

Begitupun, tudingan-tudingan berkonfrantasi seperti itu tidak pernah membantu mencari pemecahan kebingungan. Golongan ibu bapa yang terus-menerus menjadi sasaran juga tidak pernah dapat menawarkan jalan balik mengatasi gejala kepupusan bahasa. Realitinya, bilangan generasi baru yang mengadaptasi pertuturan bahasa lain selain bahasa ibunda semakin membesar. Dan jika dibuat unjuran statistik, arah alirannya akan menunjukkan dengan jelas

bahawa bahasa mereka akan pupus dalam tempoh yang tidak terlalu lama dari sekarang. Bahasa-bahasa yang disayangkan kepupusannya akan lenyap sedikit demi sedikit kerana bilangan penuturnya semakin berkurangan.

Meskipun upaya melestarikan bahasa ibunda menjadi cerminan kemurnian perjuangan, namun dengan mendendangkan kebimbangan dan menudingkan jari kepada pihak tertentu tidak banyak membantu mengubah keadaan yang muram menjadi ceria. Golongan ini perlu diajak untuk melihat satu perspektif.

Terdapat sudut pandangan tertentu yang perlu difahami untuk menyusun langkah demi langkah mengupayakan pelestarian bahasa. Sudut penting itu berkaitan dengan 'pergeseran bahasa'. Pergeseran bahasa berkaitan dengan pertembungan pelbagai bahasa dalam komunikasi massa pada setiap hari.

Apabila orang dari Sabah berkahwin dengan orang dari Semenanjung Malaysia dan tinggal di Semenanjung, maka lambat laun orang yang dari Sabah akan menuturkan dialek seperti orang-orang di Semenanjung. Keadaan ini bermaksud sebagai pergeseran bahasa. Dialek pertuturan mengikut loghat Sabah berubah menjadi loghat pertuturan di Semenanjung. Loghat dari Sabah tergeser oleh loghat dari

UB - 11/03/12 (B5)

Semenanjung disebabkan hanya ada seorang dari Sabah dalam lingkungan masyarakat tutur loghat Semenanjung.

Orang dari Sabah yang hanya seorang itu lebih selesa mengadaptasikan pertuturannya mengikut loghat kebanyakan orang dalam lingkungannya agar percakapannya dapat difahami dengan mudah dan diterima secara mesra oleh lingkungan di samping mengelakkan diri daripada menjadi objek lawak dan jenaka kerana menampilkan pertuturan yang kedengarannya lucu. Perjalanan hidup berikutnya akan diwarnai oleh loghat pertuturan dari Semenanjung termasuk anak-anaknya.

Dalam konteks tersebut, bahasa asal salah seorang pasangan tergeser. Akan tetapi terdapat juga konteks di mana bahasa ibunda kedua-dua orang dalam pasangan tergeser. Contoh ini banyak berlaku bagi pasangan yang memiliki latar belakang bahasa ibunda yang berbeza. Keadaan ini boleh berlaku dalam konteks bangsa-bangsa yang lebih besar dan juga etnik-etnik serumpun seperti di Sabah.

Seorang kawan dari Kuala Penyu pernah memberitahu bahawa bahasa ibunda mereka yang disebut 'Tatana' tidak lagi dituturkan apabila keluar dari daerah Kuala Penyu dan sekitar kerana etnik-etnik serumpun

Kadazandusun lain kurang faham dan tidak tahu menggunakan dialek itu. Dialek Tatana akan disimpan sahaja dan pertuturan akan berlangsung dalam bahasa-bahasa yang lebih umum seperti bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.

"Apabila orang Tatana berkahwin dengan orang Kadazan dari Papar umpamanya, dua kemungkinan boleh berlaku. Pertama, orang Tatana akan mengadaptasikan pertuturannya dalam bahasa Kadazan dialek Papar atau kedua, pasangan itu akan bertutur dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris di antara satu sama lain," kata kawan yang juga lulusan pengajian bahasa.

Dalam kes kedua, pergeseran bahasa berlaku pada tahap yang lebih tinggi. Dialek Tatana tergeser dan pada waktu yang sama dialek Kadazan Papar juga tergeser dari pertuturan pasangan berkenaan. Perjalanan hidup berikutnya bergerak ke arah penggunaan bahasa yang lebih umum dan lambat laun bahasa ibunda tidak lagi berfungsi dalam pertuturan mereka sehingga ke anak-anak dan cucu-cicit.

Apabila pergeseran berlaku, pihak ibu bapa menyedari sepenuhnya akan keterpinggiran bahasa ibunda mereka. Jauh di sudut hati kecil mereka turut merasakan suatu kehilangan

yang tidak dapat dikekalkan dalam kehidupan. Anak-anak yang membesar dengan nama bangsa Kadazan tetapi tidak mampu bertutur dalam bahasa ibunda turut merasakan sesuatu kekurangan.

Meskipun merasa kekurangan, terdapat banyak tanda menunjukkan bahawa anak-anak yang membesar dalam lingkungan seperti ini tetap memiliki patriotisme bangsa.

Akan tetapi mereka tidak pernah merasa sempurna dalam perkara ini kerana tidak dapat menunjukkan jati diri secara nyata melalui pertuturan bahasa ibunda.

Bereaksi dalam situasi itu, dalam keadaan yang terdesak, anak-anak golongan itu sangat cepat menudingkan kesalahan ke atas ibu bapa. Meskipun tidak yakin dengan tuduhan seperti itu, namun itulah realiti yang dapat mereka fahami dalam menanggapi kekurangan jati diri.

Dalam menanggapi fenomena tersebut, terdapat persoalan penting yang perlu difahami. Sejauh manakah ibubapa boleh dipersalahkan dalam kes pergeseran bahasa? Jawabnya ialah setiap fenomena ada penjelasannya. Mudah-mudahan pada siri akan datang, satu segmen dapat disusun untuk menjelaskan tentang fenomena pergeseran bahasa.